



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)
MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-33 (3/2024) SECARA DALAM TALIAN**

Tarikh : 10 Julai 2024 (Rabu)

Masa : 9.30 pagi

Platform : secara dalam talian menerusi aplikasi *Google Meet*

Kehadiran : seperti di **Lampiran A**

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
33.1	Aluan Pengerusi Pengerusi: (a) memulakan mesyuarat dengan bacaan ummul kitab Al-fatihah dan seterusnya mengalu-alukan kehadiran Penasihat dan Ahli Jawatankuasa Kerja ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-33 (3/2024) secara dalam talian melalui Aplikasi <i>Google Meet</i> . (b) merakamkan ucapan tahniah di atas lantikan baharu dan juga ucapan penghargaan kepada mantan Penyelaras ISMS dan Setiausaha Jawatankuasa Kerja ISMS UPM, iaitu: (i) Puan Nurainakmal Kamal Bahrin, dilantik sebagai Penyelaras ISMS UPM berkuat kuasa pada 15 Mei 2024; (ii) Puan Shamriza Saari, mantan Penyelaras ISMS UPM dan Setiausaha Jawatankuasa Kerja ISMS UPM; dan (iii) Encik Mohamed Shukri Mohamed Noor, mantan Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang.	Makluman Makluman
33.2	Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-31 & Ke-32 (Khas) Secara Dalam Talian	

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	Mesyuarat mengambil maklum dan mengesahkan dua (2) minit mesyuarat berikut tanpa sebarang pindaan, iaitu: (a) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-31 (1/2024) secara dalam talian pada 14 Februari 2024; dan (b) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-32 (Khas) (2/2024) secara dalam talian pada 3 Mei 2024.	Makluman
33.3	Perkara Berbangkit (a) Mesyuarat meneliti perkara-perkara berbangkit hasil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-31 dan Ke-32 (Khas) adalah sebagaimana Laporan Agenda 3 yang dibentang. Mesyuarat mengambil maklum kesemua perkara berbangkit telah diambil tindakan oleh peneraju proses terlibat. Mesyuarat: Minit 31.8.6 (c) mengambil maklum perancangan telah disediakan untuk proses peralihan standard ISMS kepada versi 2022 dan satu lawatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah diadakan pada 26 Mei 2024 bagi melihat pelaksanaan ISMS versi 2022.	Makluman
33.4	Laporan Objektif Keselamatan Maklumat (a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif ISMS bagi tempoh Januari hingga Jun 2024 adalah sebagaimana Laporan Agenda 4 yang dibentangkan semasa mesyuarat. (b) Mesyuarat mengambil maklum hanya dua (2) objektif ISMS tahun 2024 yang diukur bagi tempoh Januari hingga Jun 2024 dan masih terdapat empat (4) objektif ISMS masih belum boleh diukur. Kesemua enam (6) objektif tersebut akan dianalisis semula data pencapaian pada tempoh Januari hingga Disember 2024. Perincian pencapaian objektif ISMS Januari hingga Jun 2024 adalah seperti pada Lampiran B.	Makluman Makluman

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
33.5	Laporan Penyata Pemakaian [Statement of Applicability (SoA)] & Dokumentasi ISMS (a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penyata Pemakaian (SoA) dan Dokumentasi ISMS adalah sebagaimana Laporan Agenda 5 yang dibentang. (b) Mesyuarat dimaklumkan dokumen rujukan pelaksanaan ISMS dan dokumen Penyata Pemakaian (SoA) telah dikemaskini pada 3 Mei 2023.	Makluman Makluman
33.6	Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung Imbasan Laporan Pelaksanaan Penilaian Risiko ISMS Semakan Mac 2024 sebagaimana dinyatakan di Laporan Agenda 6 yang dibentang. (b) Mesyuarat dimaklumkan Laporan Penilaian Risiko Semakan Oktober 2023 ini adalah sebagaimana yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali ke-32 (Khas) pada 3 Mei 2024.	Makluman Makluman
33.7	Laporan Status Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Setiap Pasukan ISMS (a) Mesyuarat mengambil maklum laporan pelaksanaan 24 aktiviti Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang disediakan oleh lima (5) Pasukan ISMS bagi tempoh Januari hingga Jun 2024 adalah seperti di Laporan Agenda 7 yang dibentang semasa mesyuarat. (b) Mesyuarat mengambil maklum bahawa setiap pasukan sentiasa membuat pemantauan secara berkala terhadap pelaksanaan aktiviti tahunan ISMS pasukan masing-masing dalam memastikan kelancaran pelaksanaan ISMS secara keseluruhan di UPM.	Makluman Makluman

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
33.8	Hal-Hal Lain 33.8.1 Laporan Pelaksanaan Soal Selidik Pihak Berkepentingan ISMS Tahun 2024 (a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung Status Pelaksanaan Soal Selidik Pihak Berkepentingan ISMS Tahun 2024 adalah sepertimana pada Laporan Agenda 8.4 yang dibentang. (b) Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti laporan analisis soal selidik ISMS Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah Setengah Tahun Pertama 2024. (c) Mesyuarat mengambil maklum hasil kajian soal selidik bagi proses pendaftaran pelajar Baharu Pascasiswazah adalah merangkumi tiga (3) kemasukan iaitu Semester Kedua 2023/2024, Trimester Ketiga 2023/2024 dan Semester Pertama 2024/2025. 33.8.2 Jawatankuasa Kerja ISMS Tahun 2024 (Semakan Julai 2024) (a) Mesyuarat mengambil maklum terdapat perubahan kepada Ahli Jawatankuasa ISMS seperti berikut: (i) Struktur Organisasi Jawatankuasa Kerja ISMS yang melibatkan perubahan Penyelaras ISMS dan Timbalan Ketua (Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang; dan (ii) Struktur Organisasi Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang yang melibatkan Timbalan Ketua (Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang merangkap Penyelaras Proses. (iii) Encik Abdul Hadi Abd Rashid membantu menjalankan tugas bagi wakil dari Bahagian Perumahan dan Penempatan sementara mendapat pengganti pegawai baharu.	Makluman Makluman

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	(b) Mesyuarat bersetuju dengan perubahan kepada Ahli Jawatankuasa ISMS seperti mana yang telah dibentangkan. 33.8.3 Perancangan Aktiviti Peralihan Standard ISMS Kepada Versi ISO/IEC 27001:2022 (a) Mesyuarat diminta untuk mengambil perhatian berkenaan Takwim Pelaksanaan Tindakan Bagi Proses Peralihan Standard ISMS UPM Tahun 2024/2025. (b) Mesyuarat mengambil maklum bengkel berkaitan dokumen ISMS akan diadakan dengan kerjasama daripada pihak INTAN.	
33.9	Penangguhan Mesyuarat Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.	

SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN
MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-33 (2/2024)
SECARA DALAM TALIAN
10 Julai 2024] 9.30 PAGI] SECARA ATAS TALIAN

HADIR

1. Ts. Shahril Iskandar Amir (Timbalan Wakil Pengurusan ISMS) **- Pengerusi**
2. Encik Abdullah Arshad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
3. Encik Khairul Anuar Muhamad Noh (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Kampus Serdang)
4. Ts. Muhamad Farid Harun (Ketua, Pasukan Pusat Data)
5. Ts. Rostam Abu Bakar (Timbalan Ketua, Pasukan Pusat Data)
6. Puan Yasminani Mohamad (Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
7. Puan Norhasliza Hassan (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah)
8. Cik Shazleen Ilyana Sharifuddin (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah)
9. Encik Wan Hafizi Wan Umar (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)
10. Puan Nurainakmal Kamal Bahrin (Penyelaras ISMS) **- Setiausaha**

TURUT HADIR

1. Encik Abdul Hadi Rashid
2. Encik Mohd Amaludin Salleh
3. Cik Nurul Haziqah Hasan
4. Puan Kasmaria Zawawi **- Urusetia**

TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)

1. Ts. Mohd Faizal Daud (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
2. Puan Haslida Hassan (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Encik Noor Hakim Ahmad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
4. Encik Sudirman Asmadi (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
5. Encik Jivanathan Arumugam (Timbalan Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)

PENCAPAIAN OBJEKTIF ISMS JANUARI HINGGA JUN 2024

Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran 2024	Kaedah Pengukuran	Peneraju	Rekod Pencapaian Sehingga Jun 2024	Catatan
1.	<u>Memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran</u>	80%	Peratusan pelajar baharu memberi skor 4.00 (skala likert 5.00) melalui soalan kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang & Bintulu)	UPM Kampus Bintulu: <u>Pelajar Diploma – Masih belum dapat diukur</u> UPM Kampus Serdang & Bintulu: <u>Pelajar Bacelor – Masih belum diukur</u>	UPM Kampus Bintulu: Pelajar Diploma – Kampus Bintulu : Soal selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS akan dijalankan semasa pendaftaran pelajar baharu Sesi 2024/2025 Semester 1 pada 23 Julai 2024. UPM Kampus Serdang & Bintulu: Pelajar Bacelor – Kampus Serdang : Soal selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS akan dijalankan semasa pendaftaran pelajar baharu Sesi 2024/2025 Semester 1 pada 4 – 6 Oktober 2024 dan ambilan kedua.
2.	<u>Memastikan ketersediaan aplikasi Sistem Maklumat Pelajar (SMP) untuk urusan pendaftaran pelajar baharu</u>	95%	Peratusan ketersediaan aplikasi SMP menggunakan Sistem Pemantauan Aplikasi Uptime Monitoring	Pasukan Pusat Data	Pelajar Diploma – Pelajar Bacelor –	Pelajar Diploma – Peratusan ketersediaan aplikasi SMP <u>belum dapat diukur dan akan dilaksanakan pada 23 Julai 2024</u> Pelajar Bacelor – Peratusan ketersediaan aplikasi SMP <u>belum dapat diukur dan akan dilaksanakan pada 4 – 6 Oktober 2024</u>

Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran 2024	Kaedah Pengukuran	Peneraju	Rekod Pencapaian Sehingga Jun 2024	Catatan
3.	Memastikan ketersediaan aplikasi Penilaian Pengajaran (BlastTA) untuk urusan penilaian pengajaran	95%	Peratusan ketersediaan aplikasi BlastTA menggunakan Sistem Pemantauan Aplikasi Uptime Monitoring	Pasukan Pusat Data		Peratusan ketersediaan aplikasi BlastTA belum dapat diukur dan akan dilaksanakan pada 2 Jun hingga 7 Julai 2024
4.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik	80%	Peratusan pelajar mencatatkan min skor keseluruhan 4.00 (skala likert 5.00) dalam kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti		Soal selidik akan dilaksanakan pada 15 - 31 Julai 2024
5.	Memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran	80%	Peratusan pelajar baharu memberi skor 4.00 (skala likert 5.00) melalui soalan kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah	Peratusan pelajar baharu memberi skor 4.00 dan 5.00 (skala likert 5.00) adalah 88%	Diukur untuk tempoh semasa minggu pendaftaran pelajar bagi tiga (3) kemasukan bagi setengah tahun pertama

Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran 2024	Kaedah Pengukuran	Peneraju	Rekod Pencapaian Sehingga Jun 2024	Catatan														
6.	Memastikan ketersediaan pelajar baharu siswazah. aplikasi iGIMS dan PutraENROLL untuk urusan pendaftaran pelajar baharu	95%	Peratusan ketersediaan aplikasi iGIMS dan PutraENROLL menggunakan Sistem Pemantauan Aplikasi Uptime Monitoring	Pasukan Pusat Data	Peratusan ketersediaan aplikasi iGIMS: 1. Semester Kedua 2023/2024 : 19 Feb – 15 Mac 2024 (90.834%) 2. Trimester Ketiga 2023/2024 : 12 Feb – 15 Mac 2024 (92.778%) 3. Sesi Pertama 2023/2024 : 21 Mei – 7 Jun 2024 (99.903%) Peratusan ketersediaan aplikasi PutraENROLL: 1. Semester Kedua 2023/2024 : 19 Feb – 15 Mac 2024 (99.318%) 2. Trimester Ketiga 2023/2024 : 12 Feb – 15 Mac 2024 (99.463%) 3. Sesi Pertama 2023/2024 : 21 Mei – 7 Jun 2024 (100%)	Peratusan tidak mencapai sasaran 95% disebabkan aktiviti naiktaraf rangkaian yang telah dijadualkan (rujuk notis ganguan di lampiran). <table><tr><th colspan="2">NOTIS GANGGUAN PERKHIDMATAN INTERNET DAN PUSAT DATA UPM</th></tr><tr><td>Tarikh</td><td>8 Mac 2024(10 malam) - 10 Mac 2024(10 pagi)</td></tr><tr><td>Masa</td><td>36 jam</td></tr><tr><td>Lokasi</td><td>Keseluruhan UPM Kampus Serdang</td></tr><tr><td>Impak</td><td>Gangguan perkhidmatan Internet, WIFI dan akses ke Pusat Data UPM untuk tempoh masa tersebut.</td></tr><tr><td>Punca Gangguan</td><td>Gangguan ini adalah bagi memberi masa untuk proses optimisasi dan konfigurasi yang melibatkan perkara seperti berikut; 1. Arkitektur rangkaian UPM 2. Internet Service Provider UPM(Maxis dan MyREN) 3. Sambungan Pusat Data 4. Sistem Kawalan WIFI Fasa 1 dan Fasa 2</td></tr><tr><td>Jangkaan Pulih</td><td>Ahad, 10 Mac, 10.00 pagi</td></tr></table>	NOTIS GANGGUAN PERKHIDMATAN INTERNET DAN PUSAT DATA UPM		Tarikh	8 Mac 2024(10 malam) - 10 Mac 2024(10 pagi)	Masa	36 jam	Lokasi	Keseluruhan UPM Kampus Serdang	Impak	Gangguan perkhidmatan Internet, WIFI dan akses ke Pusat Data UPM untuk tempoh masa tersebut.	Punca Gangguan	Gangguan ini adalah bagi memberi masa untuk proses optimisasi dan konfigurasi yang melibatkan perkara seperti berikut; 1. Arkitektur rangkaian UPM 2. Internet Service Provider UPM(Maxis dan MyREN) 3. Sambungan Pusat Data 4. Sistem Kawalan WIFI Fasa 1 dan Fasa 2	Jangkaan Pulih	Ahad, 10 Mac, 10.00 pagi
NOTIS GANGGUAN PERKHIDMATAN INTERNET DAN PUSAT DATA UPM																				
Tarikh	8 Mac 2024(10 malam) - 10 Mac 2024(10 pagi)																			
Masa	36 jam																			
Lokasi	Keseluruhan UPM Kampus Serdang																			
Impak	Gangguan perkhidmatan Internet, WIFI dan akses ke Pusat Data UPM untuk tempoh masa tersebut.																			
Punca Gangguan	Gangguan ini adalah bagi memberi masa untuk proses optimisasi dan konfigurasi yang melibatkan perkara seperti berikut; 1. Arkitektur rangkaian UPM 2. Internet Service Provider UPM(Maxis dan MyREN) 3. Sambungan Pusat Data 4. Sistem Kawalan WIFI Fasa 1 dan Fasa 2																			
Jangkaan Pulih	Ahad, 10 Mac, 10.00 pagi																			